

KATA SENDI¹ DAN KATA HUBUNG DALAM BAHASA MELAYU DAN BAHASA INDONESIA: SATU KAJIAN PERBANDINGAN

Tatiana Dorofeeva
Luidmila Demidyuk

Abstrak

Bahasa Indonesia (BI) dan Bahasa Melayu (BM) dianggap umum sebagai dua bahasa ‘berkembar’ yang serupa tetapi tidak sama. Tujuan makalah ini adalah untuk mengungkapkan gejala yang tidak sama dalam dua bahasa tersebut berkenaan kata sendi dan kata hubung. Dari segi teori linguistik antara lain disentuh pengelompokan kata sendi dan kontroversi mengenai membezakan kata sendi dari kata hubung. Kajian perbandingan dilakukan baik dalam aspek kuantitatif mahupun kualitatif dengan tumpuan diberikan pada aspek fungsional namun aspek semantik ada dibicarakan juga.

Abstract

The Indonesian and the Malaysian are normally seen as two ‘twin’ – languages which are similar but not the same. The article aims at exploring phenomena which are not the same regarding prepositions and conjunctions in the two languages. From the theoretical point of view, subgrouping of prepositions and the controversial question of distinguishing the two categories of function words are considered. The comparative study involves both quantitative and qualitative aspects with focus on fungsional properties, though the semantic aspect is also touched upon.

1 Untuk pengertian istilah Inggeris ‘preposition’ dalam BM didapati beberapa padanan: ‘kata sendi’, ‘sendi nama’ dan ‘preposisi’. Kami memilih kepada istilah ‘kata sendi’ berdasarkan pedoman terbaru DBP (lihat. *Tatabahasa Melayu Digital; TD*) namun bukan tanpa ragu-ragu sebab dalam terbitan DBP yang tidak berapa lama [seperti *Kamus Linguistik* (1992), *Kamus Inggeris Melayu Dewan* (1991)] dan juga karya ahli linguistik ulung Asmah Haji Omar *Nahu Melayu Mutakhir* ada dipakai istilah ‘kata depan’.

PENDAHULUAN

Makalah ini meninjau kata tugas dalam bahasa Indonesia (BI) dan bahasa Melayu (BM) yang biasanya tergolong dalam golongan kata sendi (preposisi) dan kata hubung (konjungsi), dari segi jumlah, tugas, dan maknanya. Membandingkan kata-kata tugas ini adalah penting dan menarik baik dari segi teori mahupun amalan. Dari segi teori, kajian tersebut menyumbang kepada pengumpulan data-data mengenai kadar pencapaian kedua-dua cabang bahasa yang dianggap sama. Perbandingan seumpama telah ada dibuat, kebanyakannya mengenai kosa kata (lihat: Suryadinata; Kridalaksana; Kamus Ungkapan Am) dan juga tatabahasa (Asmah, 1968; Mintz). Dari segi amalan pula, hasil kajian akan membantu pengguna salah satu daripada kelainan bahasa Melayu untuk menguasai kelainan yang satu lagi.

Bahan Kajian

Sebagai bahan perbandingan kami gunakan:

- Deskripsi kata-kata tugas yang sedia ada dalam buku-buku tatabahasa dan kajian yang dapat kami peroleh,
- Pemerhatian kami sendiri terhadap BI dan BM kini.

Sebagai bahan utama dalam pemerhatian kami sendiri diambil teks-teks bertulis (majalah, akhbar serta juga karya sastera) yakni bidang bahasa yang biasanya dilayani oleh bentuk bahasa standard (normatif). Selain itu, bahan bahasa percakapan turut diambil kira jika ada kes pemakaian sesuatu gejala yang mempunyai kekerapan kemunculan yang tinggi. Dari segi penstandardan (standartisasi) perlu diakui bahawa tidak semua gejala yang diuraikan dalam makalah ini sudah mencapai taraf norma sebab masih belum mengalami pengkodan daripada golongan ahli bahasa.

Takrif Istilah

Dalam ilmu linguistik Melayu belum wujud kata sepakat mengenai takrif kata sendi/preposisi serta kriteria membezakannya daripada kata hubung. (Lihat: Tinjauan dalam: Kramarova, 2002: 17–39). Kami akan menawarkan pendekatan penggolongan kami sendiri yang agak berlainan dengan pendekatan yang diterima dalam kalangan ahli bahasa di Malaysia. Namun kami berharap sebarang pendekatan baru mempunyai hak untuk wujud kerana dapat menyoroti sesuatu gejala dari sudut pandangan yang baru agar dapat membantu mengenalinya dengan lebih terperinci.

Demi tujuan kajian ini kami menggunakan dua kriteria:

1. Kriteria tugas (daya bergabung dengan jenis-jenis satuan sintaksis);
2. Kriteria semantik (jenis makna yang didukung – sama ada jenis setara atau jenis tidak setara/subordinatif).

Kata sendi merupakan kata tugas yang boleh berdiri hanya dengan *kata* (namaan atau kerjaan) atau *frasa* untuk menyatakan hubungan *tidak setara/subordinatif*. Seterusnya, kata sendi tergolong daripada tiga subgolongan:²

- Golongan I : Kata sendi yang hanya boleh mendahului kata dan frasa namaan (*di, ke, akan, mengenai, terhadap* dan lain-lain);
- Golongan II : Kata sendi yang hanya boleh mendahului kata kerjaan (khususnya kata kerja); (*sambil, seraya, sembari*).
- Golongan III : Kata sendi yang boleh mendahului kata dan frasa baik namaan mahupun kerjaan (*untuk, bagi, melalui, dan lain-lain*).

Kata hubung merupakan kata tugas yang boleh berdiri *sama ada* dengan *kata, frasa* atau *klausa* untuk menyatakan hubungan *setara atau tidak setara*. Subgolongannya sebagai mana berikut:

- Golongan I : Kata hubung yang hanya boleh bergabung dengan kata kerjaan dan klausa (*supaya, bahawa, asal, bila, dan lain-lain*);
- Golongan II : Kata hubung yang boleh bergabung dengan kata namaan, kata kerjaan, serta frasa-frasanya, dan klausa (*dan, atau, walaupun, baik ... mahupun* dan lain-lain).

Penggolongan di atas boleh dirumuskan dalam gambar rajah sebagai berikut:

	Kata dan frasa namaan	Kata dan frasa kerjaan	Klausa
Kata sendi Golongan I	+	-	-
Kata sendi Golongan II	-	+	-
Kata sendi Golongan III	+	+	-
Kata hubungan Golongan I	-	+	+
Kata hubungan Golongan II	+	+	+

2 Di sini penggolongan terhadap kata-kata sendi diikuti sebagaimana diusulkan oleh A. Ogloblin mengenai bahasa Madura [Ogloblin, 1986:122]. Bandingkan penggolongan lain dalam (Alieva: 259–260).

Dari gambar rajah di sebelah jelas kelihatan bahawa ciri khas kata hubung adalah kesanggupan bergabung dengan klausa, sedangkan sifat ini tidak dimiliki oleh kata sendi. Namun didapati ada kes apabila kata tugas yang statusnya biasa dianggap sebagai kata sendi Golongan III boleh menghubungkan klausa iaitu sama dengan kata hubungan Golongan II. Demikianlah unit tersebut berubah statusnya menjadi kata tugas berfungsi dua.

Kata tugas berfungsi dua (dua sendi merangkap kata hubung) merupakan kata tugas yang merangkap dua fungsi sekali gus (*dengan, demi, dalam, dan lain-lain*).

Mengingat konsep 'klausa' memainkan peranan kritikal dalam membezakan golongan kata tugas, maka terasa perlu juga diberi taktif istilah ini.

Klausa merupakan unit dalam frasa dan merupakan unsur ayat yang *harus* mempunyai *subjek dan predikat*. Dengan perkataan lain, subjek dalam suatu klausa harus dinyatakan dengan eksplisit, jadi penghilangan pada subjek ini (yang koreferen dengan subjek ayat utama) tidak mungkin. Kalau penghilangan (elipsis) subjek terjadi, maka unit sintaksis begini bukan klausa lagi tetapi berubah menjadi frasa kerjaan. Jadi, dalam hal ini kami sependapat dengan A. Ogloblin (lihat: Rujukan dalam: Kramarova, 2002) dan bertentangan pendapat dengan pengarang yang membolehkan adanya penghilangan pada subjek dalam klausa (misalnya, *TBBI*: Asmah, 1986: 321–322; tinjauan pendapat tentang elipsis subjek lihat: Nurlina: 182–183).

Contoh:

- (A) Klausa : Sebelum *mereka (S) memulakan perang*, mereka berkawan.
 (B) Frasa kerjaan : *Sebelum memulakan perang*, mereka berkawan.

Perbandingan Kuantitatif Kata Tugas dalam BI dan BM

Membandingkan kata-kata tugas dari segi kuantitatif adalah tugas yang sukar dan hanya boleh dilakukan secara kasar. Sebabnya adalah, pertama, tidak ada (atau belum sampai ke tangan kami) senarai lengkap kata sendi dan kata hubung dalam BM sebagaimana yang terdapat dalam BI, dan kami merujuk *TBBI* atau Harimurti Kridalaksana. Kedua, ada beberapa kendala dan kesukaran bersifat teori dan taraf penstandardan. Persoalannya sebagai mana berikut:

- Patutkah kata tugas yang bermakna banyak (misalnya, *pada* ada unsur + makna + makna + tempat; + waktu) dianggap sebagai satu unit berlainan (homonim).

- Patutkah gabungan kata sendi tunggal (*ke, di, sampai*) dengan kata-kata ruang (*atas, dalam* dan lain-lain) dianggap sebagai unit leksikal yang tersendiri;
- Adakah bentuk yang mempunyai variasi (*berhubung = berhubung dengan*) merupakan satu unit atau dua unit yang tersendiri;
- Di manakah kayu ukur untuk mengenal pasti kadar gramatikalisasi kata dari kategori lain menjadi kata tugas; misalnya kata *menurut, mengenai* sudah terasa sebagai kata sendi (menjadi homonim kepada kata kerja asalnya). Namun *menyangkut, berhubung, bertolak dari* belum disepakati statusnya; ada tersenarai sebagai kata sendi oleh Harimurti, tetapi tidak demikian dalam *TBBI*; kata *sebab, akibat* sudah dianggap umum sebagai kata sendi nama dan tidak termasuk daftar preposisi;
- Patutkah kata-kata arkaik yang sudah menjadi morfem pembentuk kata terikat (*antar-, per-, peri-*)³ atau kata dari bahasa daerah dan bahasa percakapan (*boro-boro* [BI], *sama*), juga ditakrifkan sebagai kata sendi sebagaimana dilakukan oleh Kridalaksana.

Memandangkan apa yang dikatakan tadi, inventori kata tugas dalam BI yang sedia ada perlu diberi pendekatan secara kritis, dan pengarang dapat berpandukan kriteria berlainan dalam membuat senarai kata tugas. Demikianlah, daftar H. Kridalaksana menyebut 91 kata depan [Kridalaksana: 95], manakala *Tata Bahasa Baru Bahasa Indonesia* sebanyak 115 kata [*TBBI*: 250–251]. Adapun tentang kata hubung, jumlahnya boleh dikira sebanyak 141 (dalam Kridalaksana) dan boleh sebanyak 109 (dalam *TBBI*). Menurut Nurlina pula, jumlah kata sendi BI adalah sebanyak 115 dan kata hubung sebanyak 116 (dirujuk kepada Ramlan) atau 120 (dirujuk kepada Nardiati) [Nurlina: 184].

Dari segi ruang lingkup pula, kedua-dua sumber tadi tidak bersifat menyeluruh sebab tidak memasukkan kata tugas terbitan *setelah, sesudah, selepas, sehabis*; dalam daftar Kridalaksana dan tidak tercatat kata sendi *atas*, dan sebagainya.

Perbandingan Kata Sendi

Untuk tujuan perbandingan dalam kajian ini kami akan menggunakan senarai kata sendi H. Kridalaksana tadi secara yang lebih teratur dan sesuai (tidak meliputi gabungan kata sendi dengan kata ruang, dan juga kata sendi

3 Lihat fungsinya dalam kata terbitan *antarkota, antarnegara, perikemanusiaan, perihal*, dan lain-lain.

homonim). Namun senarai ini pun sedikit sebanyak perlu dibuat pembaikan iaitu patut digugurkan satuan yang menurut penggolongan kami, tidak termasuk kata sendi (kata nama *peri*, *perihal*, *perkara*, *fasal*; kata penegas tingkat *kurang*, morfem terikat pembentuk kata *antar-* dan *per*). Daripada jumlah kata sendi sebanyak 83 yang tetap kekal dalam daftar kata preposisi BI didapati lima kata sendi yang tidak digunakan dalam BM iaitu *ketimbang*, *lewat*, *menyangkut*, *sejalan*, *tinimbang*. Tegasnya, kata sendi tersebut kepunyaan khas bahasa Indonesia dan harus dikecualikan daripada inventori bahasa Melayu. Pada waktu yang sama, dalam BM terdapat sejumlah kata sendi khas bagi bahasa itu sahaja dan sebaliknya tidak digunakan dalam BI. Kata-kata ini adalah *setakat*, *selaku*, *menerusi*, *selari dengan*, *dekat* (atau *kat* dalam maksud *di*).⁴

Perbandingan Kata Hubung

Jumlah kata hubung/konjungsi dalam BI kami tentukan berdasarkan senarai Kridalaksana bersifat lebih menyeluruh, terdapat beberapa kata yang tidak tercatat dalam senarai *TBBI* (*entah-entah*, *mentang-mentang*, *gara-gara*). Namun kami rasa perlu juga dibuat sedikit ubahsuai, khasnya daripada daftar Kridalaksana berjumlah 141 patah kata perlu digugurkan beberapa satuan yang pasti bukan kata hubung. Statusnya dari segi penggolongan kata lain, seperti misalnya kata parentesis (*parenthetic word*) *umpamanya tambahan pula*, *lebih-lebih lagi*, *sebaliknya* dan sebagainya; partikel *hanya*, adverba modalitas *sesungguhnya*, penegas tingkat *makin*, *kian* dan sebagainya. Dengan demikian, jumlah kata hubung dianggarkan sebanyak kira-kira 100 patah perkataan kata yang lapan antaranya merupakan khas milik bahasa Indonesia dan tidak digunakan dalam bahasa Melayu: *alih-alih*, *begitu* (dalam makna *sebaik sahaja*), *boro-boro*, *gara-gara*, *lamun*, *lantas*, *sembari*, *mentang-mentang*). Dari segi yang lain, dalam BM terdapat empat kata hubung yang khas bagi bahasa ini sahaja: *sebaik* (*sebaik-baik*, *sebaik-baik sahaja*), *sama ada ... atau*, *oleh itu*, *yang* (= *bahawa*). Mungkin ada lagi yang terlepas daripada pemerhatian kami.

Catatan 1 Pengertian 'tidak digunakan' dimaksudkan:

- i. Langsung tidak digunakan oleh penutur BM dan tidak tercatat sebagai entri dalam *KD*, (*ketimbang*, *boro-boro*); atau

4 Kata ini homonim kepada 'kata ruang' dan berasal daripadanya. Contoh penggunaannya adalah: Saya tinggal kat asrama (= Saya tinggal di asrama).

- ii. Walaupun terdaftar sebagai entri dalam KD, namun penggunaannya sangat sedikit dan bersifat kebetulan sahaja sehingga tidak boleh dianggap sebagai unit leksikal yang mencirikan BM moden (*menyangkut, gara-gara, lantas*). Kesimpulan tentang tiap-tiap unit leksikal kami buat berdasarkan pemerhatian kami sendiri dan juga kamus perbandingan Suryadinata (Suryadinata). Namun perlu diakui bahawa pernyataan kami yang tidak bersandar pada perangkaan kekerapan bersifat agak subjektif.

Catatan 2

Selain daripada unit-unit yang tercatat dalam Catatan 1, ada sekelompok kata tugas milik bersama kedua-dua bahasa, tetapi dalam BM mempunyai kekerapan penggunaan kurang tinggi berbanding dengan BI. Misalnya, *buat* jarang digunakan oleh penutur BM kecuali dalam rangkai kata tertentu yang merupakan gangguan daripada bahasa Inggeris: *buat masa kini, buat sementara waktu – for the present, for some time*, dan lain-lain lagi. Kata-kata hubung *seraya, kendatipun, tatkala* terhad lingkup penggunaannya dalam gaya bahasa buku lama dan bertendensi menjadi kata-kata arkaik.

Kesimpulan: Ada tiga kelompok kata tugas dalam bahasa-bahasa kajian:

- i. unit-unit yang sama;
- ii. unit-unit yang mempunyai kekerapan penggunaan kurang dalam satu bahasa berbanding dengan bahasa padanan;
- iii. unit-unit yang khas bagi satu bahasa sahaja.

Perbandingan Kata Tugas Berfungsi Dua (Kata Sendi Merangkap Kata Hubung)

Bahasa Indonesia

Menurut Nurlina (yang merujuk pengarang-pengarang lain) dalam BI didapati sebanyak 24 atau 25 kata tugas berfungsi dua yang 23 di antaranya dijadikan bahan kajiannya (sayangnya, pengkaji itu tidak menyebut kata tugas mana yang dikecualikannya dari senarai) (Nurlina: 184). Namun jumlah ini tidak termasuk kata tugas *setelah, sesudah, sehabis, sebelum, secara, macam, gara-gara*, padahal juga menepati kriteria yang ditentukan di atas iaitu boleh berdiri sama ada dengan frasa namaan, frasa kerjaan dan klausa.

Catatan 3

- (A) Adapun tentang *buat*, kata ini tergolong sebagai kata sendi/preposisi dan sekali gus sebagai kata hubung/konjungsi dalam kajian Krida-laksana (dengan tidak memberikan sebuah contoh pun), padahal bahan kami tidak membuktikan kebenaran penggolongan kategori kata hubung. Tegasnya, menurut kami, kata *buat* dalam BI merupakan kata sendi Golongan III semata-mata.
- (B) Kata tugas *untuk* tergolong dalam *TBBI* sebagai kata konjungsi namun tidak dibuktikan dengan mana-mana contoh. Pemerhatian kami tentang penggunaannya dalam BI hanya menunjukkan sifatnya sebagai kata sendi Golongan III. Selaku kata sendi boleh berdiri dengan frasa namaan dan frasa kerjaan, dan bukan dengan klausa berpelaku. Sebaliknya, Slamet Muljana pernah menyatakan bahawa pelaku sesuatu perbuatan tidak dapat wujud selepas kata sendi *untuk*. Jika pun perlu menyebutnya, maka kata hubung *supaya* harus digunakan [Slamet Muljana: 216].

Jadi, dalam BI terdapat 31 kata tugas berfungsi dua.

Bahasa Melayu

Menurut pemerhatian kami, kesemua kata tugas yang tersenarai dalam perenggan sebelumnya, seperti juga yang terdaftar dalam kajian Nurlina (yang juga meliputi beberapa kata tugas yang jarang digunakan dalam BM seperti: *sedari, lantaran, laksana*) dalam BM juga mempunyai dua tugas. Selain daripadanya, sifat fungsi dua juga dimiliki oleh kata tugas yang dalam BI hanya tergolong kata sendi, iaitu *untuk, bagi, tentang*, dan kata tugas majmuk *ke atas*. Oleh sebab sifat kata sendi dari kata-kata tugas ini tidak dipersoalkan terdapat dalam BM oleh sesiapa, sedangkan tugasnya sebagai kata hubung (boleh menggabungkan klausa bersubjek/berpelaku) mungkin menimbulkan tanda tanya, seterusnya kami memberi contoh penggunaannya sebagai kata hubung (klausa berpelaku ditulis dengan huruf italik).

Tentang

- (1) Mengulas ***tentang bumiputera menjadi agen kepada kilang-kilang***, beliau berkata sebagai berikut (dari akhbar).

Ke atas

- (2) Negeri ini enggan membatalkan pengharamannya ***ke atas kapal terbang Concorde menggunakan ruang angkasanya*** (dari akhbar).

Untuk dan *bagi*

Tentang *untuk* dalam BM, dari segi penggolongan kata, kebanyakan ahli bahasa sepakat untuk menempatkannya ke dalam dua golongan sekali gus (TD, 1989; 1990: 193–4; Asmah, 1986:182; Arbak: 176; TBMD: Modul 14) *Tatabahasa Dewan* (TD, 1990) dalam contoh.

(3) *Untuk* Ali melakukannya sangat sukar.

Menyebut kata tugas *untuk* sebagai kata komplemen (complementizer) bagi “ayat komplemen frasa nama subjek” yang bertugas sebagai subjek. (TD, 1990:108–110).

Pada pemerhatian kami terhadap BM moden, memang penggunaan *untuk* begini adalah paling lazim (lihat: Contoh lain dalam TBMD: Modul 14). Namun ada juga kejadian penggunaan yang lain iaitu satuan sintaksis yang didahului oleh *untuk* tidak berfungsi sebagai ayat komplemen selaku subjek.

Contoh:

- (4) Wartawan atau sasterawan masih ada ruang terbuka dan masih boleh mengangkat martabatnya **untuk** dia menjadi institusi masyarakat yang dihormati (DB:46).
- (5) Nasib yang menimpa seorang balu di Kuantan adalah suatu contoh yang paling jelas **untuk** kita mengambil pengajaran, **untuk** kita tidak melupakan tentang penentuan-penentuan dan **untuk** kita tidak selalu hanya mendongak ke atas tanpa melihat ke bawah langsung (UM).

Kata tugas *bagi* boleh juga digunakan secara yang sama

- (6) Perpustakaan awam digunakan sebagai tempat **bagi** pelajar mengikuti kuliah TV (UM).
- (7) Ini merupakan tiang **bagi** kita membina di atasnya masyarakat yang kita ingini. (ARH).

Contoh penggunaan begini belum mendapat perhatian dalam kalangan ahli bahasa dan tidak diiktiraf sebagai normatif/standard, walaupun kekerapannya tinggi. Bagi kami, asalnya gejala tersebut dalam BM merupakan gangguan daripada bahasa Inggeris (‘for + infinitive construction’, misalnya: ‘for me to go’) (lihat: [Dorofeeva]).

Jadi, dalam BM kata tugas berfungsi dua berjumlah lebih banyak berbanding dengan BI, sekurang-kurangnya dengan ditambah *untuk* dan

bagi; berkenaan *tentang* dan *ke atas*, walaupun ada juga kejadian, namun kekerapan penggunaannya sedikit.

Perbandingan Daya Bergabung Kata Sendi⁵

Dalam penggabungan kata-kata sendi dalam kedua-dua bahasa ada banyak yang sama tetapi ada juga yang berbeza dengan cukup nyata. Kami boleh timbulkan beberapa perbezaan seperti berikut (juga lihat lampiran).

Kata sendi tunggal

- Dalam BI kata sendi *di* luas digunakan dengan kata waktu iaitu mengambil tempat *pada*: *di waktu*, *di tahun*, *di hari*. Gejala ini asalnya daripada bahasa percakapan kemudian meresap masuk ke dalam gaya surat khabar. Manakala dalam BM penggabungan begini masih kurang dan dianggap tidak normatif (TD, 1989:215).
- Dalam BI *di* boleh berdiri dengan kata ganti diri dengan membawa maksud ‘ada pada’: (Ada) *di* saya (Ada) *di* mereka. Gejala begini muncul dalam BI percakapan sahaja di bawah pengaruh bahasa Sunda dan tidak terdapat dalam BM, iaitu maksud yang sama diungkapkan dengan kata sendi *pada* atau *dengan*: (Ada) *pada* saya/*dengan* saya.
- Penggabungan dengan ‘kata-kata ruang’ menghasilkan rangkai kata yang tidak sama dalam satu-satu bahasa.
- *Di seputar* di samping *di sekitar*, manakala dalam BM hanya *di sekitar*;
- Rangkai kata *dari* antara mereka, manakala dalam BM *di* antara mereka.

Kata sendi majmuk *di dalam*

Bertentangan dengan BI, dalam BM kata sendi majmuk *di dalam* biasanya tidak digunakan dengan kata nama abstrak, dalam kes ini hanya kata *dalam* sahaja yang wujud: ***dalam*** konteks, ***dalam*** aspek, ***dalam*** hal (TD, 1989: 231). Dalam BI sebaliknya, kata nama abstrak digabungkan dengan kata sendi *di dalam*: ***di dalam*** konteks, ***di dalam*** situasi, ***di dalam*** lingkungan, dan sebagainya.

Kata sendi *ke* dan *kepada*

Bertentangan dengan BM, kata sendi *ke* dalam percakapan dapat

5 Berkenaan kata berfungsi dua, hanya tugasnya sebagai kata sendi ditinjau di sini.

mendahului objek bermaksud:

- manfaat:
- (8) Terjemahan **ke** Yogi,
- tumpuan arah:
- (9) Datang **ke** orang tua.

Bertentangan dengan BI, *kepada* dalam BM boleh:

- mendahului kata kerja (Asmah, 1968:27):
- (10) Waktu dan wang dapat disalurkan *kepada mencapai* tujuan-tujuan lain yang lebih berguna;
- menunjukkan hubungan milik:
- (11) Ibu *kepada* tiga orang anak.

Kata sendi majmuk *ke atas*

Bertentangan dengan BI, kata sendi *ke atas* rata-rata digunakan dengan maksud *terhadap, pada, atas*. Misalnya (contoh dari akhbar):

- mengambil tindakan *ke atas* guru-guru;
- mengenakan cukai *ke atas* mereka;
- menjatuhkan hukuman *ke atas* penjenayah;
- melakukan pengeboman *ke atas* Iraq.

Kata sendi *dari* dan *daripada*

Bertentangan dengan BI dalam BM *dari* dan *daripada* boleh berdiri dengan kata kerja sebagai pelengkap (kerana meniru struktur bahasa Inggeris) (lihat: [Dorofeeva]).

- (12) Memang aku selalu sahaja suka menyelamatkan isteri saya *dari dituduh* bukan-bukan (Pentas: 3).
- (13) Mengelakkan pekerja-pekerja *dari mengambil* tindakan (dari akhbar).
- (14) ... mengelakkan Asia Tenggara *daripada menjadi* kancah pertikaian politik (ARH).

KESIMPULAN

Kajian di atas memperlihatkan bahawa antara BI dengan BM terdapat banyak ketidaksaan baik dari segi jumlah kata-kata mahupun fungsi dan maknanya.

Perbezaan tersebut biasanya tidak disedari oleh penutur dan pengguna bahasa (sebab materi bahasa sama) dan hal yang mana menimbulkan ilusi kesamaan.

Ketidaksamaan tadi, kalau dikira bersama dengan ketidaksamaan lain (seperti kata ganti tidak tentu letaknya dalam preposisi dalam BM dan dalam posposisi dalam BI; kes-kes pengimbuhan yang berlainan pada dasar yang sama) menyumbangkan kepada percanggahan/divergensi dua bahasa tersebut.

Kebolehan kata tugas BI dan BM mempunyai dua fungsi sekali gus (kata sendi dan kata hubung) hendaklah dilihat dalam konteks ciri-ciri tipologi tatabahasa bahasa Melayu amnya seperti ketiadaan oposisi yang nyata antara kategori kata nama dengan kata kerja, kebolehan kata-kata daripada kategori tersebut berdiri sebagai mana gatra/anggota ayat yang statusnya sukar ditentukan kerana tiadanya bentuk konjungsi kata kerja dan kasus kata nama, di samping tidak wajib adanya kata ligatur *adalah/ialah* dan tidak adanya bentuk *gerund* atau *participle*, dan lain-lainnya.

Sebab-sebab yang menimbulkan perbezaan inventori dan fungsi kata-kata tugas tadi pertama-tamanya hendaklah disebut pengaruh bahasa asing: bahasa Jawa dan Jakarta ke atas BI dan bahasa Inggeris ke atas BM.

LAMPIRAN

**Beberapa kata preposisi dan kata hubung dalam BI dan BM
(perbezaan tugas dan makna)**

<u>Kata tugas</u>	<u>Bahasa Indonesia</u>	<u>Bahasa Malaysia</u>
Di		
dengan objek masa/waktu	+	-
dengan objek manusia	+	-
Dalam		
dengan objek masa/waktu	+	Terhad/terbatas
dengan objek abstrak	-	+
Di dalam		
dengan kata kerja	+	-
dengan objek abstrak	+	-
Ke dengan objek manusia	+	-
Ke atas dengan makna 'terhadap'	-	+
Dari		
dengan objek punca/sumber	+	+ ⁶
dengan objek manusia	+	+
dalam pola 'menghalang so.+dari+KK'	-	+
Daripada		
Dalam pola 'menghalang sso.+dari+KK'	-	+
Tentang dengan klausa	-	+
Kepada		
dengan klausa	-	+
dengan makna <i>genitive</i> /kepunyaan	-	+
Untuk dengan klausa		
Bagi dengan klausa	-	+
Dengan dalam maksud 'ada pada'	-	+

6 Tanda ini bermaksud bahawa dianggap tidak standard, tetapi digunakan.

RUJUKAN

- Alieva N.F., *et al.*, 1991. *Bahasa Indonesia. Deskripsi dan teori*. Siri ILDEP (di bawah redaksi W.A.L. Stokhof). Yogyakarta: Penerbit Kanisus.
- Arbak Othman, 1981. *Tatabahasa Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah, 1968. Asmah binti Haji Omar. Morfologi – “Sintaksis Bahasa Melayu (Malaya) dan Bahasa Indonesia. Satu perbandingan pola”, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji. Omar, 1982. *Nahu Melayu Mukatkhir*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dorofeeva T., 1989. “Beberapa Pemerhatian terhadap Perkembangan Bahasa Melayu”. *Jurnal Persatuan Linguistik*, KL, 1988/89, Jil. 4, hlm. 73–86.
- Kamus* “kata dan ungkapan am. Bahasa Indonesia – bahasa Malaysia – Bahasa Melayu Brunei”, 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kramarova S.G.*, 2000. “Distinguishing prepositions and subordinate conjunctions in the Indonesian”, *Nusantara. Southeast Asia. A collection of materials from acad*, 1998/99 & 1999/2000. Ed. By A.K. Ogloblin. St. Petersburg: *Nusantara Society, the University of St. Peterburg, Oriental Faculty* (dlm. bah. Rusia).
- Kramarova S.G.*, 2002. “Constructions rendering semantic relations of cause, result, purpose, condition, and concession”, St. Peterburg: Oriental Faculty.
- Kridalaksana, Harimurti, 1994. “Kelas Kata dalam Bahasa Indonesia”, Edisi Kedua, Jakarta.
- Mintz M.W., 1994. *A Student's Grammar of Malay and Indonesian*, Singapore: EPB Publishers.
- Nurlina, W.E.S., 1998. “Beberapa kata tugas dalam bahasa Indonesia yang berfungsi ganda”, *Darmawisata*.
- Ogloblin A.K., 1986. “Madurese Language and Linguistic Typology”, Leningrad (dalam bahasa Rusia).
- Slametmuljana, 1969. “Kaidah Bahasa Indonesia”, Nusa Ende Flores.
- Suryadinata, Leo, 1991. (ed. Abdullah Hassan). *Times Comparative Dictionary of Malay-Indonesian Synonyms*, Singapore-KL: Times Book International.
- Tatabahasa Dewan*, 1989. Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji. Musa, *Jil. 2 Perkataan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tatabahasa Dewan*, 1990. Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji. Musa, Abdul Hamid Mahmud, *Jil. 1 Ayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia. Edisi ketiga*, Jakarta, 1998. Alwo, H., Dardjowidjojo, S., Lapoliwa, H., Moeliono, A.M.
- Tatabahasa Melayu Digital*, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Multimedia Universiti, 2003.